

Kuasa pelabuhan di utara Tanah Melayu

BH 10/8/14 MSA

» Kegemilangan
Kuala Perlis
dicemburui dan
akhirnya
dimusnahkan
oleh Portugis

Oleh Nazwin Nazri
bhnews@bh.com.my

Perkampungan nelayan **dipercayai wujud**
akibat aktiviti perdagangan zaman dahulu.

[FOTO NAZWIN NAZRI/ BH]

Ramai yang tidak
menyangka Kuala
Perlis yang terkenal

sebagai pusat persinggahan pelancong tempatan dan luar negara ke Langkawi di Kedah, suatu ketika dahulu adalah pusat pelabuhan perdagangan yang terkemuka.

Pada zaman itu, Perlis menjadi sebahagian jajahan Kesultanan Kedah selain Kubang Pasu, Kedah dan Setul. Kini Setul berada di bawah wilayah Thailand.

Tidak hairanlah kesan jajahan Kesultanan Kedah dapat dilihat dengan adanya tempat bersemadi Sultan Kedah iaitu Sultan Muhyiddin Mansor Syah di Kota Sena yang dahulunya menjadi ibu kota Kedah pertama dan terletak berhampiran ibu negeri Perlis, Kangar, selain makam Sultan Dhia'uddin Al Mukarram Syah di Kota Kayang.

Empat Kuala

Menyingkap sejarah pemerintahan kerajaan Kedah suatu masa dahulu, kawasan yang kini dikenali sebagai Kuala Perlis adalah antara empat kuala di bahagian utara semenanjung Tanah Melayu yang dijadikan pelabuhan entropat dan intraport.

Ketika itu, Kuala Perlis memainkan peranan cukup penting sebagai lokasi untuk membawa barang dagangan menggunakan gajah melalui laluan darat ke pantai timur Tanah Melayu dan Ligor.

Kejayaan Portugis menakluk Melaka pada tahun 1511 yang mengancam pelayaran dari utara ke selatan di laluan Selat Melaka sehingga menyukarkan aktiviti perdagangan dilakukan, turut

melonjak peranan Kuala Perlis.

Menguasai jalan perdagangan

Mengambil kita potensi itu, Sultan Kedah pada masa itu bertitah kepada Tuanku Seri Paduka Maharaja Sura (Perdana Menteri) untuk membangunkan sebuah kota di Kuala Perlis, sehingga terbentuknya Kota Keran yang dijaga Datuk Shahbandar Kuala Perlis atau lebih dikenali Tok Perlis.

Sehubungan itu, semua barang dagangan yang akan dibawa ke Ligor untuk dihantar ke China dan Kemboja dimestikan melalui Kota Keran, dan perlunya membayar cukai kepada Tok Perlis. Ia turut menyebabkan Kota Keran di Kuala Perlis

bertambah masyhur dan menjadi tumpuan pedagang luar, khususnya dari India dan Arab.

Pusat pungutan cukai


Pengarah Muzium Kota Kayang, Tengku Intan Rahimah Tengku Mat Saman, ketika mengulas peranan Kuala Perlis, mengakui Kota Keran pernah menjadi pusat pungutan cukai yang ketika itu diuruskan Tok Perlis.

Namun, kedatangan tentera Portugis yang diketuai Diego De Mendoca pada 1614, telah melanggar dan membakar Kota Keran sehingga turut mengakibatkan kematian Tok Perlis.


Selain Kota Keran, turut wujud ketika itu ialah Kota Kayang yang berkeluasan 4.84 ekar dan berada di bawah pemerintahan Sultan Kedah ke-15 iaitu Sultan Dhiauddin Mukarram Shah pada tahun 1661 hingga 1687.

Kini, Kota Kayang dijadikan muzium bagi mengekalkan beberapa kesan tinggalan seperti gua tempat persembunyian Sultan, telaga dan beberapa bukit yang mengelilinginya untuk rujukan generasi akan datang.

Mengisahkan kembali tapak muzium terbabit, Tengku Intan Rahimah berkata, pada asalnya ia adalah tapak kota istana zaman Kesultanan Kedah yang dibina di kawasan yang dikelilingi bukit seperti Bukit Papan, Bukit Kubu dan beberapa bukit lain di sekitar.



Syiling Perak bukti aktiviti perdagangan yang ditemui ketika ekskavasi di Kota Kayang.



Porselin atau tembikar **daripada negara China** kesan tinggalan yang terdapat di sekitar kota dan dipamerkan di Muzium Kota Kayang.



Makam Sultan Dhiauddin Mukarram Shah yang terletak di Muzium Kota Kayang.

MUZIUM ANATOMI HAIWAN



Muzium dalam universiti

» UPM bukan sekadar IPT tetapi menjadi destinasi pelancongan berilmu



MUZIUM WARISAN MELAYU



Keris berdiri dipamerkan pada segmen Senjata Warisan Melayu.

Oleh Bennie Zie Fauzi

bennie@bh.com.my

Bukan sekadar menjadi pusat menuntut ilmu tinggi, tetapi juga mahu menjadi universiti pelancongan.

Sejajar dengan itu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor menyediakan produk bersesuaian sebagai tarikan pelancongan dan pelawat untuk berkunjung ke universiti ini.

Oleh itu, menerusi inisiatif beberapa fakulti di universiti ini, diwujudkan muzium istimewa yang pastinya boleh menarik pelawat berkunjung ke sini.

Dirancang dan diselenggarakan Bahagian Edu-Park (BEP), Putra Science Park, kebetulan universiti itu memiliki kelebihan kawasan yang luas, tempat unik lagi kondusif, selain menyediakan pakar berpengalaman bagi merealisasikan modul bersifat interaktif dan amali.

Timbalan Pengarah Edu-Park, Prof Madya Dr Faridah QamaruzZaman berkata Muzium Anatomi Haiwan kendalian Fakulti Perubatan Veterinar, Muzium Anatomi Manusia (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan) dan Muzium Warisan Melayu di bawah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi menjanjikan pendeda-

han dan pendidikan, selain memupuk usaha penyelidikan, manakala pemaparan artifak berkaitan alam Melayu di Muzium Warisan Melayu memelawa masyarakat menghayati sejarah, peradaban serta susur galur bangsa.

Muzium Anatomi Manusia

Menyediakan maklumat mengenai dunia perubahan dan kesihatan manusia menerusi pameran anatomi atau sifat tubuh kita. Anatomi adalah struktur dalam dan luar tubuh manusia.

Ini termasuklah koleksi asal bahagian atau organ manusia, model rangka daripada kepala hingga hujung kaki, selain perkakasan perubatan, poster dan makalah berkaitan kesihatan.

Muzium ini juga memberi pendedahan mengenai dunia kedokteran secara ringkas dan penerangan yang diberikan oleh petugas terlatih.

Apa yang menarik, pengunjung muzium ini boleh mengambil bahagian dalam model interaktif yang bercirikan 'cuba buat' memabitkan modul Lima Deria Manusia Menakutkan, Jantung Yang Kuat Dalam Sistem Peredaran, Struktur Tulang, Di Mana Otot Kita?, Meneroka Sistem Respiratori (Pernafasan), Otak dan Sistem Saraf, Lelaki Lawan Manusia dan sebagainya.

Bayaran masuk: RM20 de-

was, RM10 kanak-kanak.

Muzium Anatomi Haiwan

Pelawat muzium ini boleh meninjau dan memahami sudut perubatan dan kesihatan haiwan menerusi model yang disediakan. Pameran membabitkan struktur anatomi haiwan yang dipersembahkan menerusi skrin interaksi, koleksi asli, spesimen haiwan yang diawet dan diagram anatomi haiwan.

Muzium ini diasaskan oleh Jabatan Sains Pra Klinikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar dengan matlamat untuk berkongsi pengajaran dan pembelajaran berkenaan latar anatomi pelbagai jenis haiwan. Ini termasuk mengenali spesimen tulang keluarga ekuin, unggas, primat, kanin, felin dan reptilia.

Bayaran masuk: RM20.

Muzium Warisan Melayu

Muzium ini disifatkan sebagai institusi yang menyediakan kemudahan penyelidikan, penerbitan, pendidikan, pengajaran, pembelajaran dan paparan artifak berkaitan budaya Melayu.

Tidak mengenakan sebarang bayaran masuk, ia turut menghimpunkan koleksi senjata Melayu dan Nusantara seperti keris, golok, pedang, tombak, meriam lama serta kelengkapan isi rumah zaman prakemerdekaan antaranya gobek api, jebak puyuh, juga kelengkapan menghidang.